

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 MEI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

OPR naik dorong kerajaan urus perbelanjaan secara berhemat

OPR naik dorong kerajaan urus perbelanjaan secara berhemat

PUTRAJAYA - Keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) akan mendorong kerajaan menguruskan perbelanjaan negara secara berhemat, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

"Kalau OPR naik, secara tidak langsung ia akan memaksa kerajaan untuk berbelanja dengan baik dan secara berhemat kerana kos untuk berhutang lebih tinggi," katanya mengulas mengenai keputusan BNM menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada tiga peratus pada Isnin.

Ditemui pemberita pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Ekonomi di sini, Rafizi berkata, antara instrumen untuk mengawal aliran kewangan dalam ekonomi ialah dengan menaikkan kadar OPR.

Mengakui peningkatan OPR mempunyai kesan terhadap kos sara hidup



RAFIZI

rakyat, beliau bagaimanapun berkata, ia perlu dilihat secara keseluruhan antaranya dari segi pengukuhan mata wang negara.

"Kalau kita tidak sesuaikan kadar (OPR) kita dengan pasaran dunia, ia akan membawa kesan lain seperti risiko dana atau portfolio pelaburan keluar yang akhirnya melemahkan mata wang negara dan mengurangkan

pelaburan," katanya.

Sementara itu, di **KUALA LUMPUR**, Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Razali Idris menyifatkan kenyataan Rafizi mengenai OPR tidak menyebabkan 'rakyat terkesan' sebagai tidak cerdik.

Tegasnya, OPR merupakan isu besar kerana ia turut mempengaruhi kehidupan rakyat dari segi kenaikan harga barangan.

"OPR perkara besar, bukan kecil. Ini menyebabkan harga barangan keperluan naik. Menteri Ekonomi jawab macam itu sahaja. Dia kata, rakyat tak terkesan. Tak tahu saya nak kata apa, tak tahu maksud sebenarnya.

"Saya nampak, bodoh secara mengejut. Dulu nampak cerdik masa pembangkang tapi sekarang nampak kebodohan datang mengejut," katanya.

Lima hari lalu Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan OPR meningkat 25 mata perpuluhan kepada tiga peratus.



Keratan akhbar Sinar Harian pada Khamis lalu.